

Cara penyelesaian terbaik tonjolkan kemuliaan Islam

Isu sensitif perlu dirunding dengan baik untuk jaga keharmonian masyarakat

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kaedah penyelesaian baik dalam isu sensitif bukan menunjukkan kelemahan seperti yang didakwa se-setengah pihak.

Mengambil contoh penyelesaian isu tapak Masjid MADANI di Jalan Munshi Abdullah, Perdana Menteri berkata ia bukan mahu menunjukkan kemenangan dan keangkuhan, sebaliknya menonjolkan kebijaksanaan, kekuatan dan kemuliaan Islam.

“Sebab itu kita memilih untuk menjaga harmoni, runding dengan baik. Arahan saya konsisten dalam mesyuarat Jemaah Menteri dan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar, runding dengan baik.

“Dengan apa cara dan helah pun, runding dengan baik, mencari penyelesaian baik itu bukan tanda kelemahan seperti yang disanggah oleh sebahagian kelompok tertentu.

“Penyelesaian cara aman, beradab, berakhlak, itu nilai MADANI. MADANI itu bukan sahaja bicara soal kemampanan, pertumbuhan ekonomi, teknologi dan digital tetapi juga nilai akhlak, rahmah dan ihsan, bukan saja kepada umat Islam tetapi juga kepada masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pecah Ta-



Anwar pada Majlis Pecah Tanah Pembinaan Masjid MADANI milik Kumpulan Jakel di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

nah Pembangunan Masjid MADANI semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar; Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil dan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul.

Isu kuil selesai

Isu berkenaan selesai selepas Jawatankuasa Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman bersetuju memindahkan rumah ibadat itu ke tapak lain berdekatan sekali gus memberi laluan kepada pemilik tanah wakaf itu, Jakel Trading Sdn Bhd (Jakel) membangunkan Masjid MADANI.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, penyelesaian isu itu juga adalah kejayaan untuk umat Islam yang menunjukkan contoh yang baik.

“Itu bagi saya falah (kejayaan) sebenarnya. Falah itu apabila kita dapat muncul sebagai contoh yang baik.

“Ini orang Islam, peribadinya baik, ihsan, penyayang, adil, bukan contohnya itu bengis dan benci. Ini tidak pernah menjadi dasar yang kita dukung,” katanya.

Beliau berharap, Masjid MADANI bukan sahaja akan menjadi tempat ibadah bagi umat Islam, tetapi sebagai pusat ilmu, melalui pembinaan dewan persidangan dan forum, selain untuk seni dan budaya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Jakel, Datuk Seri Mohamed Faroz Mohamed Jakel, berkata Masjid MADANI yang di-

bangunkan di atas tanah milik syarikat itu dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

Katanya, masjid yang dibina di atas tanah seluas 12,142 kaki persegi itu turut mempunyai dewan acara, selain pejabat serta kemudahan asas lain.

Katanya, berkonsepkan inti pati Malaysia dan setinggi empat tingkat itu, ia mampu menampung kira-kira 2,900 jemaah pada satu-satu masa termasuk 592 jemaah di ruang utama solat yang terletak tingkat satu.

Katanya pembinaan masjid berkenaan dibuat atas hasrat bapanya, Allahyarham Mohamed Jakel Ahmad dan mengambil kira keperluan masyarakat.

“Masyarakat di sini menghadapi masalah kesesakan teruk di masjid berhampiran terutama sekali ketika hari Jumaat dan musim perayaan,” katanya.